

KESUKARAN MENCAPAI *NOTE BERNADA TINGGI* BAGI ALAT MUZIK *BRASS* : FAKTOR PENYEBAB DAN LANGKAH-LANGKAH MENGATASINYA

Oleh

SHAHIDAN BIN HARON

**Laporan Kertas Projek Ini Dikemukakan Kepada Fakulti Seni Dan Muzik
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Sebagai Memenuhi Keperluan
Untuk Sarjana Pendidikan Muzik**

April 2009

DEDIKASI

Diabadikan penulisan ini untuk semua :

Arwah Ayah dan Ibuku

Isteri dan Anak-anak

Ahli keluarga

Sahabat-sahabat istemewa

Dan

Pensyarah-Pensyarah yang budiman

Kalian adalah pelita yang menyuluh

Kehidupanku

Akan dikenang selagi hayatku ada

**Abstrak kertas projek ini dikemukakan kepada Fakulti
Seni Dan Muzik, Universiti Pendidikan Sultan Idris
Sebagai memenuhi keperluan untuk
Sarjana Pendidikan
Muzik**

**KESUKARAN MENCAPAI NOTE BERNADA TINGGI BAGI ALAT MUZIK
BRASS : FAKTOR PENYEBAB DAN LANGKAH-LANGKAH MENGATASINYA**

Oleh :

SHAHIDAN BIN HARON

APRIL 2009

Penyelia Kajian : Prof. Madya Mohd Ramli Bin Buyung Kahar

Fakulti : Seni dan Muzik

Kemahiran amali merupakan antara faktor yang memainkan peranan penting dalam menentukan kecemerlangan sesebuah ensemble muzik. Walau bagaimanapun bagi mencapai hasrat ini, terdapat pelbagai cabaran dan rintangan yang perlu dilalui sebelum mencapai objektif yang disasarkan. Berdasarkan fenomena yang telah dinyatakan ia telah dijadikan persoalan utama dalam kajian ini. Kertas laporan projek yang dibentangkan akan cuba menyingkap dua persoalan iaitu punca dan pendekatan yang mempunyai perkaitan dengan proses penghasilan *note-note* muzik daripada peralatan brass. Persoalan ini dijadikan kajian kes kualitatif kerana ia memerlukan kefahaman yang mendalam terhadap isu-isu yang akan dibangkitkan. Metodologi yang digunakan penyelidikan adalah kualitatif yang melibatkan pendekatan temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Terdapat empat orang responden yang dipilih dengan mengambil kira

perbezaan umur dan pengalaman mereka dalam bidang muzik, manakala pemerhatian dilakukan melalui nota lapangan dan pemerhatian terus ke lokasi sempel kajian. Jangkamasa kajian lebih kurang enam bulan iaitu bermula dari bulan November 2008 sehingga April 2009. Bersandarkan kepada persoalan yang dikaji, penyelidik telah dapat mengenal pasti faktor-faktor yang menjadi sebab kepada tercetusnya permasalahan ini seterusnya mencari jalan peleraian melalui pendekatan yang dibentuk menerusi tema-tema persoalan. Kertas laporan projek ini juga membincangkan tentang rumusan dan cadangan supaya dapat menjelaskan lagi persoalan kajian ini secara terperinci. Kelunjuran daripada kajian ini, adalah untuk dijadikan rujukan dan panduan kepada pihak-pihak yang berkaitan, sekiranya berhadapan dengan permasalahan yang sama. Sekiranya fenomena ini tidak ditangani secara rasional akan memberi impak yang negatif terhadap perkembangan dan kejayaan sesebuah *ensemble* muzik.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang

Alhamdulillah, terlebih dahulu saya memanjatkan kesyukuran kehadrat Allah (s.w.t) kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, saya telah diberi keizinan sekali lagi menyempurnakan laporan kertas projek untuk memenuhi syarat penganugerahan sebagai Sarjana Pendidikan Muzik.

Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang memberi bimbingan dan tunjuk ajar dalam menyempurnakan penulisan ini, terutamanya Prof. Madya Mohd Ramli bin Buyung Kahar sebagai Penyelia kertas laporan projek, Dr Hassan bin Abdullah selaku Dekan Fakulti Seni dan Muzik, En. Mohd Azam bin Sulong sebagai Penyelaras Program dan semua pensyarah dan staf Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) serta Encik Ahmad Basri bin Adenan kerana memberi komitmen yang tinggi dalam menyiapkan penulisan ini.

Akhir kata, terima kasih juga saya tujuhan kepada kaum keluarga, isteri dan anak-anak kerana sentiasa memberi sokongan dan dorongan dalam menyempurnakan penulisan ini. Sumbangan dan galakan anda semua menyuntik semangat dan sentiasa terukir dalam ingatan saya sehingga akhir hayat.

Shahidan Bin Haron

Tarikh : 30 April 2009



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Saya mengesahkan bahawa Jawatankuasa Pemeriksa bagi Shahidan bin Haron telah mengadakan pemeriksaan akhir pada 2009 untuk menilai kertas Laporan Projek Sarjana Pendidikan Muzik beliau yang bertajuk “ Kesukaran Mencapai Note Bernada Tinggi Bagi Alat Muzik Brass : Faktor Penyebab dan Langkah Mengatasinya”. Jawatankuasa memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahkan ijazah tersebut.

.....

(Profesor / Dekan Fakulti Seni dan Muzik)

Universiti Pendidikan Sultan Idris



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah


PustakaTBainun



ptbupsi

PERAKUAN

Saya akui penulisan laporan kertas projek ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sebutan yang telah diberi penghargaan di dalam penulisan ini.



(SHAHIDAN BIN HARON)

Tarikh : 30 April 2009

JADUAL KANDUNGAN

	Muka surat
DEDIKASI	iii
ABSTRAK	iv - v
PENGHARGAAN	vi - vii
PERAKUAN	viii
JADUAL KANDUNGAN	ix
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI KATA SINGKATAN	xiv
GLOSARI ISTILAH	xv - xii
BAB 1 : PENGENALAN KAJIAN	
1.1 Pengenalan Latar Belakang Kajian	1
1.2 Penyataan Masalah	2
 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	PustakaTBainun  ptbupsi
1.3 Tujuan Kajian	5
1.4 Persoalan Kajian	5
1.5 Kepentingan Kajian	6
1.6 Batasan Kajian	6
1.6.1 Skop	8
1.6.2 Anggapan	8
1.6.3 Limitasi	9
1.7 Ringkasan	9

BAB 2 : SOROTAN BAHAN BERTULIS

2.1 Pengenalan	11
2.2 Kerangka Teori	11
2.2.1 Teori Minda Howard Garner	12
2.2.2 Teori Minda Barat	13
2.2.3 Teori Six Thinking Hats	14
2.2.4 Teori Teksonomi Bloom	15
2.3 Ulasan Penyelidik	15
2.4 Kajian-kajian Berkaitan	17
2.4.1 Historical Perspective of Formal Music Education In Malaysia	19
2.4.2 Music Education in Thailand : The Decentralized Reform	20
2.4.3 Music Teacher Traning Programs in Malaysia	21
2.4.4 Peperiksaan Bergred Antarabangsa : Pemangkin Perkembangan Pendidikan Muzik Di Malaysia.	22
2.4.5 Reheasal Structure & Developing Critical Thinking in Band Reheasal	22
2.4.6 Band Director's Anthology	22
2.4.7 Internasional Journal of Music Education : Musical Interpretation, Philosophical and Practical Issues	24
2.4.8 The Band Director's Handbook (Reheasal)	25
2.4.9 Instruments of Orchestra	26
2.5 Ulasan Penyelidik	27

2.5.1	Struktur latihan	28
2.5.2	Lembaga Peperiksaan Muzik Malaysia	29
2.5.3	Pendekatan Latihan	31
2.6	Ringkasan	32

BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	33
3.2	Pendekatan Kaedah Penyelidikan Kualitatif	34
3.3	Metodologi Penyelidikan : Kajian Kes kualitatif	36
3.4	Metod kajian	37
3.4.1	Temu Bual	38
3.4.2	Analisa Dokumen	41
3.4.3	Pemerhatian	43
3.5	Pemilihan Sampel	45
3.6	PenyelidIk Sebagai Instrumen	46
3.7	Jangkamasa kajian	47
3.8	Kaedah Pengumpulan Data	49
3.9	Etika dan Kerahsiaan	51
3.10	Pengurusan Data	52
3.11	Penganalisaan Data	53
3.12	Triangulasi	54
3.13	Kesahan dan Kebolehpercayaan Dapatan Kajian	55
3.14	Ringkasan	57



BAB 4 : DAPATAN DAN PERBINCANGAN

4.1 Pengenalan	58
4.2.1 Masalah Bagi Mencapai <i>Note</i> Bernada Tinggi Alat Muzik Brass	58
4.2.1.1 Persepsi <i>note</i> bernada tinggi alat muzik brass	59
4.2.1.2 Sikap dan Tingkah Laku	62
4.2.1.3 Mental dan Fizikal	66
4.2.1.4 Peralatan Muzik	71
4.2.2 Pendekatan dan Langkah-Langkah Mengatasi	74
4.2.2.1 Pendekatan Latihan	74
4.2.2.2 Struktur Latihan	80
4.2.2.3 Ketahanan Mental, Fizikal dan Tahap Kesihatan	86
4.3 Ringkasan	90



BAB 5 : RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan	91
5.1.1 Masalah Bagi Mencapai <i>Note</i> Bernada Tinggi Alat Muzik Brass	91
5.1.2 Pendekatan dan Langkah-Langkah Mengatasi	94
5.2 Cadangan	98
5.3 Penutup	102
5.4 Syor kajian	102
Biblografi	104
Lampiran A Hingga F	107 – 127



SENARAI JADUAL**Jadual****Muka surat**

1	Ringkasan Kategori Peralatan Brass	2
2	Ringkasan kajian-kajian teori minda Barat	12
3	Ringkasan kajian-kajian lepas berhubung isu-isu dan cabaran pendidikan muzik	17
3	Lima dimensi kajian kes	37
5	Pengkodan responden	52
6	Keutamaan Perancangan Struktur Latihan	81

Muzik

SENARAI KATA SINGKATAN

TLDL	Tentera laut Di Raja Malaysia
LPMM	Lembaga Pepeiksaan Muzik Malaysia
KBSR	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
STPM	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia
IPT	Institusi Pengajian Tinggi
MOA	Malaysia Qualification Agency
UCAS	University and Colleges Admission Servise
ABRSM	Associated Board Royal School of Music

GLOSARI ISTILAH

- (a) **Ensemble** : Sesuatu bentuk perhimpunan ahli-ahli muzik dan membuat persembahan secara berkumpulan.
- (b) **Brass Band** : Sesuatu bentuk kumpulan pancaragam yang menggunakan alat muzik brass dan perkusi untuk membuat persembahan.
- (c) **Malitery Band** : Sesuatu bentuk kumpulan pancaragam yang bercorak tentera menggunakan alata muzik yang terdiri daripada alat muzik brass, woodwind dan perkusi.
- (d) **Alat muzik brass** : Alat muzik yang diperbuat seratus peratus daripada bahan nikel disadur dengan cecair perak atau emas.
- (e) **Marching Band** : Bentuk kumpulan pancaragam yang melakukan persembahan di padang memainkan lagu-lagu bercorak patriotik untuk mengiringi sesuatu perbarisan berbentuk ketenteraan.
- (f) **Concert Band** : Bentuk kumpulan muzik yang melakukan persembahan di dalam dewan, alat-alat muziknya terdiri daripada alat muzik marching band, dipadukan dengan alat muzik keyboard alat bertali seperti violin, viola, cello, double bass dan sebagainya.
- (g) **Regemental** : Majlis-majlis keraian yang dilakukan mengikut adat istiadat ketenteraan.
- (h) **Penyelidikan kualitatif** : Pendekatan penyelidikan yang berkaitan dengan bagaimana manusia berurusan dengan makna dan pengalaman mereka melalui interaksi dengan orang lain.

- (i) **Kajian kes kualitatif** : Satu kajian atau penyelidikan yang dijalankan untuk menjelaskan dan mentafsirkan kepentingan, boleh menghasilkan ringkasan dan pemahaman yang mendalam terhadap sesuatu fenomena kontemporari yang berlaku serta dapat mengawal kajian-kajian terdahulu melalui latar semulajadi.
- (j) **Persempelan kajian** : Mewakili atau sebagai contoh (tipikaliti) latar, individu dan aktiviti-aktiviti yang dipilih, pemilihan sempel yang sengaja dipilih bertujuan untuk meneliti kajian kes dan dapat membentuk perbandingan khusus bagi menjelaskan sebab-sebab perbezaan antara latar dan individu.
- (k) **Member check** : Proses merujuk kembali data dan interpretasi tantatif kepada responden bagi memastikan kemunasabahan analisa dapatan kajian.
- (l) **Triangulasi** : Penggunaan pelbagai teknik penyelidikan, sumber data atau pengumpulan data untuk mengesahkan dapatan kajian yang muncul dalam sesuatu kajian.
- (m) **Persempelan snowball selected method** : Satu kaedah untuk mendapatkan sampel atau informasi baru melalui infomer yang telah ditemubual.
- (n) **Audit trail atau jejak audit** : Satu keterangan atau laporan yang menyeluruh tentang kaedah, prosedur dan keputusan-keputusan yang dibuat semasa menjalankan kajian kualitatif.
- (o) **Temu bual** : Satu kaedah mengumpul data secara terperinci yang menggunakan informan sebagai orang pertengahan diantara penyelidik dengan objek yang dikaji.
- (p) **Deskripsi** : Satu bentuk penjelasan dalam bentuk ayat seperti naratif dan tidak menggunakan nombor sebagai dapatan kajian.

- (q) **Induktif** : Perolehan data dari sedikit. Data bertambah sedikit demi sedikit dari asas sehingga data yang diperolehi keperingkat tepu, iaitu kesuatu peringkat yang umum.
- (r) **Nota lapangan** : Catatan dibuat oleh penyelidik semasa pemerhatian dan temubual yang juga dijadikan sebagai bukti kajian dan sebagai triangulasi.
- (s) **Kerangka konsepsual** : Konsep-konsep yang terbentuk daripada kajian-kajian terdahulu yang menjadi panduan kepada penyelidik dan menjadi asas rujukan sesuatu penyelidikan dijalankan.
- (t) **Emic and etic** : Bentuk maklumat yang dilaporkan samada laporan penyelidik datangnya dari pandangan informan (*emic*) ataupun pandangan yang datang darupada penyelidik sendiri (*etic*).

BAB 1

PENGENALAN KAJIAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Dalam komposisi sesebuah *ensemble* muzik sama ada berbentuk *marching band*, *concert band*, *jazz band*, *pep band* atau pasukan pancaragam beruniform peralatan *brass* memainkan peranan yang penting bagi memacu kejayaan dan kecemerlangan organisasi tersebut. Walaupun gabungan antara alat muzik *woodwind*, perkusi dan lain-lain dilihat dapat melahirkan keseimbangan dan kehormonian adunan bunyi, namun kewujudan alat *brass* begitu menonjol sehingga jika ketiadaannya akan memberi kesan yang amat ketara terhadap keupayaan sesebuah pasukan pancaragam. Selain itu, jika dilihat dari aspek struktur penyusunan gubahan muzik dalam pasukan pancaragam, peralatan muzik *brass* sering diberi keutamaan memainkan bahagian permulaan (*introduction*), melodi, *rhythm*, *bass solo* dan sebagainya. Ironinya kebolehan dan kemahiran yang tinggi dalam memainkan peralatan *brass* sering kali dijadikan kayu pengukur dalam menentukan kehebatan sesebuah pasukan pancaragam.

Menurut John Hosier (2003) reka bentuk pembinaan alat muzik *brass* dibuat daripada sebatang tiub yang berbentuk selinder. Ia dibina daripada bahan nikel atau *brass* disadur dengan cairan emas atau perak. Keseluruhan struktur binaannya seratus peratus daripada

bahan nikel bermula dari badan (*body*) batang paipnya (*slide paip*), injap (*valve*) penjarian (*fingering*) dan pelipis (*mouthpiece*). Penghasilan suaranya terutamanya *note* bernada tinggi amat bergantung kepada kemahiran individu menggabungkan unsur-unsur pernafasan (*breathing*), pembentukan bibir (*embouchure*) dan pelipis (*mouthpiece*) dan dibantu oleh beberapa teknik instrumentasi yang lain bagi melahirkan tangga nada instrumen tersebut. Terdapat berbagai-bagai jenis peralatan *brass* yang sering digunakan dalam sesebuah *ensemble* muzik. Kebiasaan penggunaan peralatan ini dikategorikan dalam bentuk *brasswinds treble clef* dan *brasswinds bass clef*, pembahagian peralatan adalah seperti jadual di bawah :

Jadual 1 : Ringkasan Kategori Peralatan Brass

Alat brasswinds treble clef

1. E flat trumpet

05-4506832

pustaka.upsi.edu.my

2. B flat cornet

3. B flat flugehorn

4. B / F flat Horn

5. B flat Baritone Horn

Alat brasswinds bass clef

1.B flat Baritone Horn

Perpustakaan
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

ptuppsi

2.B flat Euphonium

3.B flat Tenor Trombone

4.B/ F / D flat Bass Trombone

5.C Tuba

6.BB flat Sousaphone

Sumber : *Navedtra 2000*

1.2 Penyataan Masalah

Menurut kajian yang dijalankan oleh **John Henrich Pestalozi** (2003) pendidikan muzik perlu mempunyai kaedah pengajaran dan pembelajaran yang memberi penekanan

kepada perkara-perkara yang kompleks dan seharusnya dilaksanakan mengikut urutan dan sekuennya. Berdasarkan kepada amalan beliau pengajaran dan pembelajaran muzik seharusnya dapat menguasai kemahiran dengan melalui proses latih tubi (*drilling*) yang berintensif dan bercorak amali. Dengan kata lain proses pengajaran dan pembelajarannya melibatkan pancaindera pelajar dengan lebih aktif.

Untuk memcapai hasrat ini guru-guru muzik sering berhadapan dengan pelbagai cabaran dan dugaan dalam merumuskan kaedah pengajaran yang berkesan bagi mengatasi kesukaran pelajar mencapai kualiti muzik terutamanya dari aspek kemahiran bermain alat muzik *brass*. Pelajar-pelajar sering menghadapi kesukaran untuk menghasilkan nada yang tinggi secara sempurna (*perfect*). Kesukaran ini sering kali meninggalkan kesan yang negatif terhadap minat dan tumpuan pelajar untuk bermain alat muzik *brass*.

Dalam konteks alat muzik *brass*, kegagalan mencapai note bernada tinggi akan menjelaskan reputasi sesebuah *ensemble* muzik itu, tambahan lagi dalam dalam pasukan pancaragam unit beruniform seperti *military band* atau *brass band*. Ini adalah disebabkan struktur gubuhan dan susunan muziknya adalah berbentuk *march* yang memerlukan *note* yang bernada tinggi bagi memenuhi kehendak muzik yang kebanyakannya berunsur patriotik.

Selain itu, kemahiran amali merupakan aspek yang paling penting dalam pendidikan muzik. Menurut **James Swearingen** (2000) latihan yang efektif berhubung rapat dengan faktor-faktor fizikal seperti kesihatan, jantina, umur dan ukuran bentuk badan

seseorang pelajar. Dalam penyelidikan ini peyelidik membuat tinjauan dan pemerhatian apakah faktor-faktor kecergasan fizikal yang dinyatakan dapat mempengaruhi kebolehan pelajar mencapai *note* yang bernada tinggi

Gloria J. Kiester (2002) berpendapat, pengurusan latihan yang efisien dan berkesan bermula daripada seorang guru yang berwibawa serta mempunyai kemahiran bermain muzik yang baik, kerana melalui pengalaman dan pengetahuan yang ada pada dirinya boleh membantu dan menyokong aktiviti latihan yang dijalankan, selain itu mesti disusuli dengan perancangan yang tersusun rapi. Oleh yang demikian penyelidikan ini tertumpu kepada menilai pendekatan latihan serta bahan-bahan sokongan yang diguna pakai dalam mengurus dan merencanakan proses pengajaran muzik dan adakah kewibawaan mereka mempengaruhi kebolehan pelajar dalam mencapai *standard* yang ditetapkan. Maka, penyelidik mengambil inisiatif menjadikan kekangan-kekangan seperti mana yang diunjurkan sebagai permasalahan dalam kajian ini. Antara masalah-masalah yang cuba dirungkaikan adalah seperti :

- a) Objektif dan konsep latihan tidak diaplikasikan sepenuhnya dalam pengajaran dan pembelajaran muzik
- b) Pendekatan dan teknik latihan tidak dipelbagaikan dalam meningkatkan kemahiran pelajar
- c) Kurangnya penekanan dari aspek kecergasan fizikal dan mental

Permasalahan juga difokuskan kepada kualiti dan fleksibiliti peralatan muzik. Kualiti alat muzik merupakan medium atau sumber yang amat mempengaruhi keupayaan pelajar menghasilkan muzik dengan baik. Oleh itu, penyelidikan berkisar kepada persoalan bagaimana alat-alat muzik diselenggarakan, penyimpanan alat muzik, baik pulih alat muzik dan jenama alat muzik. Adakah dengan kekangan ini mempengaruhi kebolehan pelajar-pelajar mencapai prestasi sebagai mana yang diinginkan. Permasalahan juga berkisar kepada sejauh manakah pelajar-pelajar memahami punca-punca yang menyebabkan mereka berhadapan dengan kesukaran ini dan sejauh manakah guru-guru dapat mempelbagaikan kaedah dan pendekatan bagi mengatasi permasalahan ini.

1.3 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tentang faktor penyebab yang menjadi punca kepada kesukaran mencapai *note* bernada tinggi dan pendekatan yang digunakan dalam mengatasi kesukaran mencapai *note* bernada tinggi bagi pemain-pemain peralatan muzik brass pasukan pancaragam Tentera Laut Di Raja Malaysia (TLDM).

1.4 Soalan Kajian

Untuk mencapai sasaran atau tujuan penyelidikan ini, dua persoalan dikemukakan sebagai sumber panduan dan rujukan ketika melaksanakan kajian ini. Antara soalan-soalan itu adalah seperti berikut:

- i. Apakah punca-punca yang menyebabkan pemain-pemain alat muzik *brass* sukar untuk mencapai *note* bernada tinggi ?.
- ii. Apakah pendekatan yang diguna pakai untuk mengatasi kesukaran mencapai *note* bernada tinggi bagi pemain-pemain alat muzik *brass* ?.

1.5 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini adalah untuk meningkatkan kualiti persembahan muzik dalam kalangan pemain alat muzik *brass* pasukan pancaragam sama ada dalam sektor ketenteraan dan awam. Sebagai pasukan pancaragam yang diamanahkan untuk melaksanakan tugas-tugas mengiringi upacara adat istiadat ketenteraan dan majlis-majlis keraian yang berbentuk *regimental* serta menyediakan perkhidmatan muzik kepada negara untuk acara rasmi menyambut lawatan diplomat asing ke Malaysia, sudah pastilah memerlukan tahap kemahiran muzik yang tinggi dan berkualiti. Selaras dengan hasrat ini, institusi ini beriltizam untuk berusaha mencari jalan penyelesaian untuk menangani permasalahan yang dihadapi bagi meningkatkan tahap kecekapan anggota seterusnya menjana kecemerlangan institusi supaya ia lebih berdaya saing.

Namun begitu dalam membangunkan sumber tenaga yang mahir institusi ini berhadapan dengan pelbagai cabaran dankekangan terutamanya dari aspek kemahiran amali yang memerlukan pertimbangan dan perhatian yang sewajarnya. Melalui kajian ini penyelidik



berharap dapat memberi sumbangan kepada permasalahan yang dihadapi bukan sahaja terbatas kepada institusi muzik tentera malah merentasi organisasi muzik lain.

Selain itu signifikan kajian ini juga diharap dapat memberi garis panduan kepada guru-guru berkaitan perancangan latihan, pendekatan dan teknik latihan. Di samping itu kajian ini juga dapat membantu guru-guru mengamalkan etika latihan, prosedur dan prinsip-prinsip pengurusan yang bersesuaian untuk diaplikasikan dengan lebih jelas dan tersusun dalam pengajaran dan pembelajaran muzik.

Adalah menjadi harapan penyelidik, hasil daripada penyelidikan ini dapat sedikit sebanyak memberi input kepada pihak Pusat Perkembangan Kurikulum di Kementerian Pelajaran Malaysia, Bahagian Pendidikan Guru, Jabatan Pelajaran Negeri ataupun Pejabat Pelajaran Daerah untuk merancang dan membangunkan sukanan pelajaran muzik yang lebih teratur dengan memberi penekanan kepada aspek peralatan muzik, perancangan, teknik dan pengurusan latihan supaya program pendidikan muzik yang dijalankan di sekolah dapat memenuhi hasrat yang diharapkan oleh semua pihak.

Secara umum, signifikannya kajian ini adalah untuk memberi gambaran yang jelas terhadap pelajar dan guru-guru muzik dan pihak lain berkaitan dengan aspek-aspek berikut:

- i. Memberi sumbangan idea dan pendedahan kepada umum tentang pendekatan latihan muzik dalam sektor ketenteraan



- ii. Mengutamakan ketahanan mental dan fizikal dalam mencapai objektif latihan
- iii. Memberi garis panduan, etika dan prinsip-prinsip pengurusan dalam pengendalian latihan muzik bagi alat muzik *brass*

1.6 Skop, Anggapan dan Limitasi

Oleh sebab banyak faktor yang dapat mempengaruhi kajian penyelidik tentang kesukaran untuk mencapai *note* bernada tinggi bagi peralatan *brass*, maka disenaraikan di bawah ini berkaitan skop, anggapan dan limitasi dalam menjalankan kajian ini.

1.6.1 Skop

Kajian dan penyelidikan hanya dijalankan di Sekolah Muzik Tentera Laut Di Raja Malaysia (TLDM) sebagai kajian kes kualitatif.

1.6.2 Anggapan

Dapatan kajian melalui temu bual mendalam bersama responden, analisis dokumen dan pemerhatian daripada penyelidik adalah benar dan tiada penyelewengan berlaku antara penyelidik sebagai instrumen dan subjek sebagai yang diselidik.



1.6.3 Limitasi

(a) Responden yang dipilih terdiri daripada anggota pancaragam TLDM yang bertugas sebagai jurulatih dan pelatih yang mempunyai pengalaman muzik yang berbeza dari segi tempoh khidmat sebagai ahli muzik. Ini adalah kerana mereka dapat memberi maklumat yang mencukupi untuk kajian ini. Selain itu mereka mestilah mempunyai latar diri yang berbeza dari segi akademik dan perjawatan.

(b) Bahan rujukan khususnya dokumen berkaitan institusi adalah terhad

(c) Penyelidik telah mengehadkan masa untuk mengendalikan kajian ini selama enam bulan sahaja bermula dari Oktober 2008 sehingga April 2009.



1.7 Ringkasan

Dalam Bab 1 ini, penyelidik telah menjelaskan secara ringkas tentang peranan dan kepentingan peralatan *brass* dalam komposisi *ensemble* muzik. Namun demikian penyelidik melihat terdapat kekangan-kekangan yang membatasi keupayaan pelajar dalam mengoptimakan kebolehan bermain peralatan muzik *brass* terutamanya dalam aspek mencapai note bernada tinggi. Justeru itu, mencetuskan persoalan di minda penyelidik dan seterusnya membentuk dua persoalan terhadap kajian yang dijalankan. Dua persoalan yang dibentuk adalah untuk mengkaji audien yang terdiri daripada





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

individu yang terlibat secara langsung dalam industri muzik khususnya dalam aspek latihan dan pemain muzik.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi